


i

i ð e a l o g y

J U R N A L S E N I & B U D A Y A I N D O N E S I A

- M A L A Y S I A

© 2016



i ð e a l o g y

J U R N A L
S E N I & B U D A Y A

I N D O N E S I A
M A L A Y S I A

I N S T I T U T S E N I B U D A Y A I N D O N E S I A
/ I S B I B A N D U R G
U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A C A W A N G A N P E R A K
/ U I T M M A L A Y S I A

E D I T O R

D r . A N D A N G I S K A N D A R , S . P d . , M . D s
D r . M U H A M A D A B D U L A Z I Z A B G A N I

SENI FOTOGRAFI 2.0

KHAIRUL ANUAR IBRAHIM

FACULTY OF ART AND DESIGN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
SERI ISKANDAR CAMPUS,
SERI ISKANDAR, 32610,
PERAK, MALAYSIA

FOTOGRAFI

FOTOGRAFI SEBAGAI SALAH SATU MEDIUM SENI

Fotografi adalah sebahagian dari lingkungan kita dan mempengaruhi keadaan persekitaran dengan pelbagai isu dan penemuan.

Fotografi juga mempunyai **kesan budaya** yang besar dalam setiap kelompok komuniti dalam sesebuah masyarakat. Penemuan dalam bidang teknikal fotografi memberikan kesan dalam setiap kelompok manusia seperti gaya hidup, budaya masyarakat dan kehidupan sosial. Sebelum penemuan fotografi, imej dan peristiwa hanya menggunakan lakaran tangan untuk manusia menceritakan kisah mereka.

Penemuan bidang fotografi secara tidak lansung dapat menghasilkan imej secara realistik serta secara objektif dan detail. Keadaan ini selari dengan pendapat Bruce Warren (2002), kemampuan untuk merakam realiti dengan komunikasi media seni dan alat yang jitu dapat mengubah sikap, budaya dan pandangan dunia.

Menurut Michael Langford, (2000), pada dasarnya fotografi adalah kombinasi dari imaginasi visual dan design, kemahiran dan kemampuan mengatur secara praktikal. Pada tahap lain, fotografi digunakan untuk memanipulasi atau menafsirkan realiti.

Fotografi juga adalah satu media yang kuat dari segi pemujukan dan hal-hal berkaitan propaganda. Selain itu juga objektif fotografi adalah mengekspresikan, menyatakan tentang sesuatu tajuk atau topik. Dalam seni fotografi, jurugambar menggunakan imej untuk menyatakan wawasannya, berkomunikasi idea, dan membangkitkan beberapa emosi, mencetuskan tindak balas dengan audien.

Jurugambar boleh menggunakan pelbagai gaya untuk membuat imej seni halus, termasuk realisme, stail, dan abstrak. Jurugambar juga boleh menggunakan mana-mana genre, seperti landskap atau potret, untuk menghasilkan gambar seni. Justeru itu fotografi seni bukan sekadar rakaman dokumentasi sahaja tetapi memarkan idea-idea seni untuk dihayati dan dihargai bersama.

Secara asasnya fotografi terbentuk dengan adanya cahaya. Biasanya terhasil dengan bantuan kamera dan kemudian gambar kekal direkodkan dengan baik melalui proses digital dengan menggunakan sensor elektronik, simpanan data dan pemprosesan dan di cetak (print-out) melalui komputer.

Penghasilan imej yang baik adalah penting namun kemahiran praktikal untuk mengawal hasil juga faktor yang sangat utama. Apakah Fotografi? Pada asasnya fotografi terdiri dari pada campuran praktikal sains, imaginasi dan kemahiran serta kemampuan menyusun atur element-element dipersekitaran.

Kewujudkan imej fotografi terhasil dengan melibatkan pertimbangan cahaya, fokus, warna, kontras, berkualiti dan apa yang dapat dilihat secara jelas. Kawalan terhadap elemen-elemen inilah yang membuat imej fotografi terhasil. Dengan melalui satu proses evolusi yang panjang fotografi menjadi satu keperluan yang sangat diperlukan dalam pelbagai aspek kehidupan seharian pada masa kini.

Seni Fotografi merupakan salah satu cabang disiplin didalam fotografi. Ianya telah wujud pada tahun 1844 melalui buku fotografi yang pertama bertajuk "The Pencil of Nature" oleh Willian Henry Fox Talbot dan dikategorikan sebagai buku hasil karya seni fotografi terawal.

Dua tokoh penting dalam usaha untuk menjadikan fotografi sebagai medium seni yang serius adalah Oscar G. Rejlander dan Henry Peach Robinson. Kedua-duanya adalah pelukis dan bertukar menjadi jurugambar dan merasakan pada masa itu bahawa fotografi perlu untuk dipertimbangkan sebagai seni yang sebenar. Seni Fotografi lanya merupakan medium seni visual yang kaya dengan imaginasi, inspirasi dan kesenian. Semangat kreativiti ini dikongsi bersama masyarakat umum dengan kuasa untuk menggalakan, memberi inspirasi dan memberitahu orang lain berkaitan sesuatu isu.

Idea, kejelasan visi dan tujuan inilah semangat yang dikongsi kepada umum semua melalui hasilan karya seni fotografi. Seperti semua aliran seni, fotografi mencipta realiti sendiri dan gambar yang terbaik bukanlah semata-mata adalah merekodkan apa yang dilihat, tetapi orang-orang yang melihat, memahami bagaimana struktur susunan imej mengikut peraturan dan undang-undang dengan khusus terhadap genre didalam fotografi itu sendiri.

Antara aliran Seni fotografi adalah "Straight Photography" di mana hasil karya yang dikekalkan pada tahap minimum sebagai satu bentuk dokumentasi yang tulen atau sebagai pilihan estetik. Salah seorang yang terbabit dengan aliran ini adalah Alfred Stieglitz, beliau mempercayai bahawa imej-imej fotografi hendaklah dicetak tanpa manipulasi. Pendekatan ini dijawai oleh jurugambar seperti Edward Weston, Ansell Adams dan imogene Cunningham.

Sehingga tertubuhnya Kumpulan f/64 pada tahun 1932 oleh sekumpulan jurugambar untuk menggalakkan estetik fotografi dan tanpa kompromi dalam pendekatan kepada teknik seni fotografi berdasarkan kepada pegangan aliran "Straight Photography".

Dalam tahun 1920-an dan 1930-an Bauhaus movement adalah merupakan salah satu aliran pendekatan seni fotografi secara radikal. Ianya bermula di Bahaus iaitu sebuah Sekolah seni bina dan reka bentuk di Jerman dan merupakan pusat untuk artis yang dipengaruhi oleh beberapa trend radikal dalam seni termasuk Dadaism, cubism, konstruktivisme dan surrealisme.

Hasil karyanya subjectiveness dan ini merupakan proses melibatkan penonton yang melihat hasil karya beliau menghasilkan soalan dan jawapan mereka sendiri apabila melihat gambar-gambar yang dihasilkannya.

PENGAJARAN SENI FOTOGRAFI DALAM KONTEK PENGAJAR DAN PELAJAR

Sebagai tenaga pegajar seni fotografi, saya dapat sekitar diri saya terlalu banyak idea-idea baru yang wujud dengan pelbagai peluang dan mencabar pengembawaan didalam bidang ini. Ianya datang secara lansung atau tidak lansung melalui perbincangan bersama teman-teman dan pelajar-pelajar. Saya percaya kita perlukan persekitaran pendidikan yang memiliki pelbagai teknik, pelbagai pendapat, dan pelbagai sumber, termasuk perpustakaan yang lengkap dengan buku-buku dan majalah, serta akses terbuka kepada website seluruh dunia.

Suara-suara profesional dalam semua aspek kehidupan kreatif, dan peluang untuk berinteraksi dan bertukaran pendapat didalam pelbagai bidang disiplin dapat membantu menambahkan lagi tahap kefahaman didalam bidang ini. Saya mengimbau kembali apa yang saya telah pelajari tentang seni fotografi dan bagaimana ianya memberi kesan lansung kepada kehidupan dan perfikiran yang saya alui kini. Ianya juga melibatkan ramai individu yang menyumbang kepada pembentukan aspirasi profesional saya.

Peluang yang ada perlu digunakan sepenuhnya pada hari ini untuk meneroka, berkomunikasi, dan menghasilkan sesuatu yang menakjubkan, dan memang tidak dapat disangkalkan lagi ianya akan membawa kepada pemahaman yang lebih baik dan kesannya kepada masyarakat secara global. Adalah perlu untuk memahami asas-asas tatabahasa fotografi, bahan-bahan, dan pendedahan serta sifat kebolehan berkomunikasi medium fotografi pada semua peringkat iaitu secara deskriptif, emosi, estetik, penerangan, ekspresif, dan konsep terletak pada hakikat bahawa asas bukan teknologinya tetapi hasil visualnya yang utama.

Hasil karya seni fotografi yang dihasilkan oleh Nur Farah Zulaikha Zulkifli yang bertajuk "destroyed" mengisahkan tentang pencemaran alam sekitar yang memberi kesan buruk terhadap kehidupan didunia pada masa kini. Walaupun pelbagai kempen kesedaran telah dijalankan namun tahap keprihatinan masyarakat masih lagi rendah berkenaan isu pencemaran alam sekitar. Hasil karya ini dilakukan secara naratif untuk membangunkan idea dan kreativiti.

Pelajar juga diberi kebebasan untuk memilih pelbagai jenis media untuk menyatakan unsur kreativiti mereka. Pelajar dikehendaki melaksanakan pemikiran kreatif dan penyelidikan untuk memastikan mereka boleh membangunkan idea tersebut. Bagi Series "Hope" yang turut dihasilkan oleh Nur Farah Zulaikha Zulkifli menceritakan tentang perasaan harapan dan keinginan untuk sesuatu pekerja. Ianya digambarkan melalui tangan yang mengampai ke atas tanda mohon simpati.


Melalui hasil karya seni fotografi ini ianya cuba untuk meneroka dan berkomunikasi serta membawa kepada pemahaman kepada masyarakat untuk lebih menghargai nilai artistik yang terhasil dari karya-karya seni fotografi. Ianya secara tidak lansung dapat memberi pengaruh terhadap cara berfikir dan juga dapat memberi inspirasi serta menggalakkan orang ramai ke arah usaha untuk lebih menghargai semangat serta kreativiti yang terhasil melalui karya-karya seni fotografi ini.

Akhir sekali seni fotografi boleh dikatakan salah satu seni paling moden, bukan sahaja dari segi alam kontemporari tetapi oleh fakta bahawa ia menarik bersama-sama di dunia, sebagai medium komunikasi dan pergantungannya kepada teknologi membuat gambar.

Sejak pengenalan fotografi pada tahun 1839 dan kini dengan pengenalan pengimejan digital ia boleh dikatakan bahawa untuk menjadi jurugambar atau pengkarya seseorang mesti belajar tahap teknologi yang tinggi bersama-sama dengan kecanggihan dunia teknologi terkini.



DESTROYED I



DESTROYED II



HOPE I

*Fotografi oleh Farah Zulaikha
2015*

R E F E R E N C E S

Bruce Warren, (2002). Photography (2nd Ed.).
Delmar Thomson Learning, Inc. Albany, NY.

Marvin J. Rosen and David L. DeVries, (1993).
Introduction to Photography (4th Ed.).
Wadsworth Publishing Company, Belmont,
California.

Duane Preble and Sarah Preble and Revised by
Patrick Frank. (2004). Artforms, An Introduction
to the visual Arts, (Revised 7th Edition).
Pearson Prentice Hall. Kansas.

Angela Faris Belt, (2008). The Elements of
Photography, Understanding and Creating
Sophisticated Images. Elsevier Inc.

Duane Preble and Sarah Preble and Revised by
Patrick Frank. (2004). Artforms, An Introduction
to the visual Arts, (Revised 7th Edition).
Pearson Prentice Hall. Kansas.

<https://writingcreativenonfiction.wordpress.com>



Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)
Tarikh : 30 Ogos 2022



YBhg. Profesor Ts Sr Dr Md Yusof Hamid, PMP, AMP
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak

YBhg. Profesor

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORY INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak Perpustakaan ingin memohon kelulusan YBhg. Profesor untuk membuat imbasan (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repotori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna Perpustakaan terhadap semua bahan penerbitan UiTM melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak YBhg. Profesor dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar

SITI BASRIYAH SHAIK BAHRUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

PROFESOR DR DR MD YUSOF HAMID, PMP, AMP
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR